

121

NO. SOALAN : 349

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN@JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH JAWAPAN :

SOALAN

**TUAN WONG SZE PHIN@JIMMY minta MENTERI TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan status terkini semua Projek
Empangan Air di Sabah. Berikan nama projek yang sedang berjalan dan
dalam perancangan termasuk kos pembinaan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat sebanyak tujuh (7) projek yang melibatkan Projek Empangan Air di Sabah. Status terkini bagi kesemua projek tersebut adalah seperti berikut:

1) Skim Bekalan Air Tawau Fasa III – Rekabentuk dan Pembinaan Empangan Air

Status skim ini berada diperingkat analisis tender yang dilaksanakan secara tender terhad. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada penghujung tahun 2017.

2) Menaiktaraf Sistem Bekalan Air Kota Marudu

Status terkini projek ini adalah diperingkat perancangan dan melibatkan kos pembinaan sebanyak RM47,861,900.

3) Pembinaan Loji Rawatan Air Kundasang

Status terkini pembinaan LRA ini adalah diperingkat perancangan dan melibatkan kos pembinaan sebanyak RM161,930,233.00.

4) Pembinaan Loji Rawatan Air Baru, Semporna

Pembinaan LRA ini diperingkat pembinaan dengan kos sebanyak RM160,000,000.

5) Program Mengurangkan Kehilangan Kadar Air Tak Terhasil Negeri Sabah Fasa 3 – Kota Kinabalu Fasa 3 &4

Status terkini program ini adalah diperingkat pelaksanaan dengan kos sebanyak RM78,000,000

6) Pembinaan Loji Rawatan Air Baru, Lahad Datu

Status terkini pembinaan LRA ini adalah diperingkat perancangan dengan kos pembinaan sebanyak RM270,000,000.

7) Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II Dari 80 JLH Ke 160JLH Termasuk Saluran Paip Utama dan Tangki Simpanan

Status terkini projek ini adalah diperingkat perancangan dengan melibatkan kos sebanyak RM429,200,000.

Sekian, terima kasih

.....